

13/11/1997

Chef-de-mission, pengurus dinamakan Januari depan

V Ashok; Norfatimah Ahmad

SEMUA 16 persatuan sukan yang bakal beraksi dalam Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur, diberi tempoh sehingga Januari ini untuk menamakan calon pengurus pasukan masing-masing.

Arahan terbaru itu dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Mazlan Ahmad, agar calon yang dipilih dapat memberi tumpuan kepada perkembangan serta persiapan atlit menjelang temasya sukan bertaraf dunia itu.

"Kita mahu pastikan agar tidak ada pertukaran pengurus pasukan pada saat-saat terakhir seperti mana pernah berlaku sebelum ini.

"Dengan tempoh lebih panjang, mereka dapat mengikuti segala perkembangan atlit dan tidak ketinggalan jika berlaku apa-apa perubahan dari semasa ke semasa," katanya.

Arahan itu dikenakan kepada pasukan olahraga, renang, bowling, angkat berat, hoki (lelaki dan wanita), bola jaring, lumba basikal, gimnastik, badminton, akuatik, kriket, tinju, ragbi dan menembak.

Dalam pada itu, calon chef-de-mission untuk Sukan Komanwel yang bermula pada 11 hingga 21 September depan juga akan diumumkan Januari ini.

Mazlan berkata dia mendapat arahan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, selepas mesyuarat Kabinet semalam agar meminta Majlis Olimpik Malaysia (MOM) mengenal pasti calon terbabit sekurang-kurangnya akhir bulan ini.

"Usaha pemilihan chef-de-mission diserahkan kepada kebijaksanaan MOM mendapatkan calon itu," kata Mazlan.

Di Pulau Pinang kelmarin, Muhyiddin berkata bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi Majlis Sukan Komanwel Malaysia akan membuat keputusan melantik tokoh sesuai bagi memikul tanggungjawab mengelola dan menyelenggara pasukan negara.

Tambahnya, senarai nama yang dicadangkan itu turut membabitkan wakil dari MSN dan MOM.

Mazlan berkata soal pemilihan pengurus pasukan sudahpun diingatkan kepada setiap pasukan ketika sesi penilaian fasa ketiga persiapan Sukan Komanwel, bulan lalu.

"Dalam mesyuarat yang diadakan sebelum Sukan Sea XIX, setiap wakil diberitahu agar mengemukakan calon mereka sebelum Januari. Jadi, saya mahu menegur sekali lagi sebelum mereka terlupa," katanya.

Hajat MSN adalah agar pengurus pasukan dapat bersama atlit sebelum fasa keempat latihan Sukan Komanwel bermula.

Katanya, ia juga dapat mengelakkan berlaku kekecohan pada saat-saat terakhir dengan mengenakan arahan serta peraturan sendiri.

"Kita pernah melihat kejadian seumpama ini berlaku dulu. Perubahan peraturan bukan sahaja membuat atlit kurang selesa, malah mungkin hilang tumpuan kepada persiapan serta latihan yang sudah diatur," katanya.

(END)